

KHUTBAH JUMAAT

“PENGUNAAN INTERNET YANG SELAMAT DAN BERETIKA” (3 Julai 2026M/ 17 Muharam 1448H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي خَلَقَ الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ، وَأَمَرَنَا
بِالتَّقْوَى وَالْخُلُقِ الْكَرِيمِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ، وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Semoga Allah *subhanahu wata'ala* menjadikan kita dalam kalangan hamba-Nya yang sabar dan kuat dalam menahan diri, serta istiqamah dalam memilih jalan yang diredai-Nya. Pada hari ini, khatib akan membicarakan khutbah yang bertajuk: “**Penggunaan Internet Yang Selamat dan Beretika.**”

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Allah *subhanahu wata'ala* telah mengurniakan akal dan ilmu kepada manusia sehingga lahir pelbagai kemajuan teknologi yang memudahkan kehidupan. Antaranya ialah internet dan media sosial yang kini menjadi sebahagian daripada kehidupan harian

masyarakat. Teknologi ini telah membuka ruang yang luas untuk manusia berhubung dan berkomunikasi antara satu sama lain, menimba ilmu, mendapatkan maklumat dan berita dengan cepat, menyebarkan dakwah, ilmu, dan kebaikan; menjalankan kerja, urusan harian, dan pembelajaran; berkongsi pengalaman, dan pelbagai aktiviti yang memberi manfaat kepada masyarakat.

Namun, setiap nikmat yang dikurniakan Allah *subhanahu wata'ala* datang bersama amanah dan tanggungjawab. Maka, cara manusia menggunakan teknologi yang akan menentukan sama ada teknologi itu menjadi jalan menuju keredaan Allah *subhanahu wata'ala* ataupun sebaliknya. Oleh itu, setiap muslim hendaklah menggunakan kemudahan internet dengan penuh rasa tanggungjawab kerana segala yang dilakukan, sama ada di alam nyata mahupun di alam maya, akan dipertanggungjawabkan di hari akhirat kelak. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah Qaf, ayat 18:

مَا يَلْفِظُ مِنْ قَوْلٍ إِلَّا لَدَيْهِ رَقِيبٌ عَتِيدٌ (١٨)

Maksudnya: *Tidak ada sebarang perkataan yang dilafazkannya (atau perbuatan yang dilakukannya) melainkan ada di sisinya malaikat pengawas yang sentiasa sedia (menerima dan menulisnya).*

Sheikh Muhammad Sayyid Tantawi *rahimahullah* dalam kitab tafsirnya *at-Tafsir al-Wasit* menjelaskan bahawa segala ucapan dan perbuatan manusia akan dicatat oleh malaikat yang sentiasa

bersedia untuk tugas tersebut dan tidak pernah berpisah daripadanya.

Maka, ayat tadi mengingatkan kita bahawa setiap perkataan yang ditulis, mesej yang dihantar, gambar yang dimuat naik dan komen yang dipaparkan di media sosial juga termasuk dalam amalan yang akan dipersoalkan di akhirat kelak.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Namun, di sebalik kemudahan ini, terdapat cabaran dan risiko yang perlu diberi perhatian oleh setiap pengguna internet. Antaranya:

Pertama: Penipuan dalam talian yang semakin berleluasa. Ramai menjadi mangsa apabila mempercayai mesej atau panggilan daripada pihak yang menyamar sebagai pegawai bank, agensi kerajaan atau syarikat tertentu sehingga menyerahkan maklumat peribadi, kata laluan atau wang simpanan mereka. Daripada Abu Hurairah *radiallahu anhu* bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

((مَنْ حَمَلَ عَلَيْنَا السِّلَاحَ فَلَيْسَ مِنَّا وَمَنْ غَشَّائَنَا فَلَيْسَ مِنَّا))

Maksudnya: *Sesiapa yang mengangkat senjata kepada kami (memerangi kami), maka dia bukan daripada golongan kami. Sesiapa yang menipu, maka dia bukan daripada kalangan kami."*

(Hadis riwayat Imam Muslim)

Hadis tadi menunjukkan bahawa penipuan adalah perbuatan yang dikeji oleh Islam, sama ada dilakukan secara bersemuka mahupun melalui teknologi digital.

Kedua: Penyebaran berita palsu dan maklumat yang tidak sahih. Sering kali seseorang berkongsi sesuatu hanya kerana ingin menjadi orang pertama yang menyebarkannya tanpa memastikan kesahihannya. Akibatnya, fitnah tersebar, maruah seseorang tercemar, masyarakat menjadi keliru dan ketakutan serta hubungan persaudaraan boleh terjejas. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Hujurat, ayat 6:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِن جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بِنَبَأٍ فَتَبَيَّنُوا أَن تُصِيبُوا قَوْمًا بِجَهَالَةٍ فَتُصِبْحُوا عَلَىٰ مَا فَعَلْتُمْ نَادِمِينَ (٦)

Maksudnya: *Wahai orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini - dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) - sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan.*

Justeru, sebelum berkongsi sesuatu maklumat, tanyalah diri kita: Adakah berita ini benar? Adakah ia membawa manfaat? Adakah ia boleh mencetuskan fitnah atau menyakiti orang lain?

Ketiga: Buli siber dan gangguan dalam talian semakin membimbangkan. Kata-kata penghinaan, ejekan dan ancaman yang ditulis di media sosial boleh meninggalkan kesan yang sangat mendalam kepada mangsa. Ada yang mengalami tekanan emosi, kemurungan malah kehilangan keyakinan diri.

Islam mengajar umatnya supaya menjaga lidah dan akhlak. Akhlak yang baik bukan sahaja ketika berhadapan secara fizikal, bahkan juga ketika berinteraksi melalui telefon, aplikasi pesanan dan media sosial. Seorang Muslim hendaklah menjadi penyebar kedamaian, bukannya penyebar kebencian.

Keempat: Perkongsian maklumat dan gambar peribadi secara berlebihan. Ada yang memuat naik lokasi semasa, gambar ahli keluarga, nombor telefon, maklumat kewangan dan pelbagai data peribadi tanpa memikirkan risikonya. Tindakan sebegini boleh membuka ruang kepada jenayah siber, pencurian identiti dan ancaman terhadap keselamatan diri serta keluarga.

Kelima: Penggunaan media sosial oleh kanak-kanak dan remaja memerlukan perhatian yang serius. Mereka merupakan golongan yang mudah terpengaruh dengan kandungan yang tidak sesuai, budaya negatif dan individu yang berniat jahat. Oleh itu, ibu bapa hendaklah memainkan peranan sebagai pendidik, pembimbing dan pengawas agar anak-anak membesar dalam suasana digital yang selamat dan sihat.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Sebagai umat Islam, kita hendaklah mengamalkan budaya penggunaan internet yang selamat dan beretika. Antaranya ialah memastikan kesahihan sesuatu maklumat sebelum dikongsi, menggunakan kata laluan yang kukuh, tidak sewenang-wenangnya menekan pautan yang mencurigakan, menjaga adab ketika

berkomunikasi, melaporkan penipuan kepada pihak berkuasa serta mendidik ahli keluarga agar menggunakan internet secara bertanggungjawab.

Jadikanlah media sosial sebagai medan untuk menyebarkan ilmu, nasihat, dakwah dan perkara-perkara yang membawa manfaat kepada masyarakat. Elakkan diri daripada menjadi penyumbang kepada penyebaran fitnah, kebencian dan kemungkaran

Sesungguhnya, internet hanyalah satu alat. Jika digunakan dengan iman, ilmu dan akhlak, ia menjadi jalan memperoleh pahala dan menyebarkan manfaat. Sebaliknya, jika disalahgunakan, ia boleh menjadi sebab kepada dosa yang berterusan walaupun selepas seseorang meninggal dunia.

Justeru, marilah kita sama-sama menjadi contoh teladan dalam komuniti digital. Ajak keluarga, sahabat, dan anak-anak untuk menggunakan internet dengan bijak dan berhemah. Semoga dengan kesedaran dan usaha bersama, kita dapat menjadikan internet medan untuk ilmu, dakwah, kebaikan, dan kesejahteraan masyarakat.

Kaum muslimin yang berbahagia,

Di penghujung khutbah pada hari ini, marilah kita mengambil beberapa pengajaran penting, antaranya:

Pertama: Kemajuan teknologi pada masa kini telah memberikan pelbagai manfaat kepada masyarakat.

Kedua: Umat Islam hendaklah mengamalkan budaya penggunaan internet yang selamat dan beretika termasuklah memastikan kesahihan sesuatu maklumat sebelum dikongsi, tidak sewenang-wenangnya menekan pautan yang mencurigakan, menjaga adab ketika berkomunikasi dan mendidik ahli keluarga agar menggunakan internet secara bertanggungjawab.

Ketiga: Penggunaan internet secara selamat dan beretika menjadi jalan memperoleh pahala dan menyebarkan manfaat, manakala penyalahgunaannya menjadi sebab kepada dosa.

Akhirnya, marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah al-Isra', ayat 36:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.
وَلَا تَقْفُ مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ ۚ إِنَّ السَّمْعَ وَالْبَصَرَ وَالْفُؤَادَ كُلُّ أُولَٰئِكَ
كَانَ عَنْهُ مَسْئُولًا (٣٦)

Maksudnya: *Dan janganlah engkau mengikut apa yang engkau tidak mempunyai pengetahuan mengenainya; sesungguhnya pendengaran dan penglihatan serta hati, semua anggota-anggota itu tetap akan ditanya tentang apa yang dilakukannya.*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ

قَوِّلي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Teruslah istiqamah menghidupkan masjid dan surau dengan solat fardu berjemaah dan majlis-majlis ilmu. Bimbinglah ahli keluarga kita agar tetap menjaga solat lima waktu. Teguhkanlah perpaduan dengan sikap hormat-menghormati dan saling bekerjasama sesama masyarakat. Carilah rezeki yang halal lagi baik, agar hidup kita diberkati dan dirahmati. Daripada Abu Hurairah *radiallahu anhu* bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* telah bersabda:

((أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّ اللَّهَ طَيِّبٌ لَا يَقْبَلُ إِلَّا طَيِّبًا ...))

Maksudnya: *Wahai manusia! Sesungguhnya Allah itu Maha Baik, dan Dia tidak menerima melainkan yang baik ...*

(Hadis riwayat Imam Muslim)

Selamatkanlah diri dan keluarga kita daripada penyalahgunaan dadah, bahan inhalan dan ketum, perjudian serta segala bentuk maksiat. Semua ini hanya membawa kepada kehancuran hidup dan meruntuhkan masa depan kita dan umat.

Perbanyakkanlah selawat ke atas Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* seperti yang diperintahkan oleh Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Ahzab, ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

Maksudnya: *Sesungguhnya Allah dan malaikat-Nya berselawat (memberi segala penghormatan dan kebaikan) kepada Nabi (Muhammad sallallahu alaihi wasallam); wahai orang yang beriman, berselawatlah kamu kepadanya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya.*

اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى اٰلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلٰى سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ وَعَلٰى اٰلِ سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ، وَبَارِكْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى اٰلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلٰى سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ وَعَلٰى اٰلِ سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ، فِي الْعَالَمِيْنَ، اِنَّكَ حَمِيْدٌ مَّجِيْدٌ.

وَارْضَ اللّٰهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِيْنَ الْمُهَدِّيْنَ، سَادَاتِنَا اَبِي بَكْرٍ وَعُمَرُ وَعُثْمَانُ وَعَلِيٌّ، وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِ التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اَللّٰهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْاَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْاَمْوَاتِ. اِنَّكَ سَمِيْعٌ قَرِيْبٌ مُّجِيْبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

Ya Allah, Bantulah saudara-saudara kami yang memerlukan bantuan di mana sahaja mereka berada, khususnya di bumi Gaza dan Asia Barat. Kurniakanlah mereka perlindungan, keamanan, dan kemenangan dengan rahmat-Mu, wahai Tuhan Yang Maha Pengasih.

Ampunilah segala dosa kami, ibu bapa kami, keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kepada kami kesejahteraan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Kurniakanlah kecemerlangan pendidikan kepada anak-anak kami dalam apa sahaja bidang yang mereka ceburi. Tambahkanilah ilmu dan kemahiran yang bermanfaat kepada mereka, suburkanlah peribadi mereka dengan akhlak yang mulia dan terpuji. Jadikanlah anak-anak kami pemimpin dalam kalangan orang yang bertakwa.

Ya Allah, berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada para pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, Jadikanlah kami umat yang berintegriti, bersatu-padu, dan umat yang terbilang dalam semua bidang yang kami ceburi demi mendukung negara yang maju dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu. Kekalkanlah kesatuan kami dalam akidah, ibadah dan akhlak atas pegangan Ahli Sunnah Wal Jama'ah. Limpahkanlah

nikmat keselamatan, kesehatan, dan ketenangan, serta lindungilah kami daripada segala musibah, wabak dan bala yang tidak diingini.

رَبَّنَا أُنِثْنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ،
أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُم لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ
يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ
اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.